

Khairy dihentam kerana tak sokong PERKASA

Malaysiakini.com

May 23, 2011

Walaupun ramai pemimpin Umno menjarakkan diri dengan PERKASA, isu kumpulan hak Melayu timbul lagi dalam program sepetang bersama Ketua Pemuda Khairy Jamaluddin di Pulau Penang semalam.

Khairy berkata, walaupun ramai anggota Umno - seperti juga sebahagian daripada PAS dan PKR - menyokong PERKASA dan aktivitinya, beliau tetap menolaknya walaupun ia bermaksud mengundang masalah baginya dalam parti Melayu itu sendiri.

Ketika bercakap di Universiti Wawasan di Pulau Pinang malam tadi, Khairy mendedahkan, beliau diselar oleh orang Umno sendiri kerana tidak menyokong PERKASA.

Beliau sebaliknya menimbulkan persoalan berhubung kemungkinan parti itu kehilangan undi Melayu dan bukan Melayu dalam pilihan raya akan datang ekoran perkembangan itu

Menurut Khairy lagi, beliau diberitahu bahawa PERKASA mesti disokong atas alasan Melayu mesti bersatu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/164865>